

Malaysia tak bergantung satu sumber tenaga: Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin—Malaysia tidak akan bergantung kepada satu sumber tenaga saja tetapi akan menggunakan empat sumber tenaga berpotensi termasuk minyak, kuasa hidro, gas dan arang batu sebagai strategi memastikan yang bekalan tenaganya sentiasa mencukupi.

Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir ketika menegaskan demikian sewaktu merasmikan Persidangan Industri Perbekalan Elektrik Rantau Timur Jauh ketiga (CEPSI) di sini hari ini menambah kerajaan juga akan melaksanakan rancangan menjimatkan penggunaan tenaga lekap.

Bellau berkata memandangkan bekalan sumber tenaga negara tidak dapat memenuhi keperluan negara sepenuhnya, penyelesaian kebangsaan secara bersendirian tidak akan mencukupi.

"Untuk mendapat faedah ekonomi yang lebih berkesan, pendekatan kepada penyelesaian masalah tenaga hendaklah dibuat secara serantau," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, berkata langkah-langkah telahpun diambil untuk menyambungkan sistem tenaga LLN dengan sistem selenggaraan Lembaga Pelaksana Elektrik Negeri Thai dan Lembaga Kemudahan Awam Singapura dengan semangat kerjasama rantau ASEAN.

"Langkah selanjutnya ialah untuk menyambungkan Indonesia dan Filipina," tambahnya.

Bellau berkata penyelesaian kedua untuk Malaysia ialah penyambungan tenaga antara Semangjung dengan Sarawak.

Bellau memberitahu Sarawak yang mempunyai potensi mengeluarkan tenaga dengan banyak berkeupayaan kira-kira 190 'tera watt hour' (TWH) tenaga elektrik setahun.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia